



JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-14/1/1

Tarikh : 23 Januari 2024

DEKAN/PENGARAH/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELUPUSAN REKOD DI PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan Rekod (JKPR) sebanyak tiga (3) kali setahun seperti ketetapan berikut:

KEKERAPAN MESYUARAT	TARIKH
JKPR BIL.1/2024	13/3/2024 (Rabu)
JKPR BIL.2/2024	13/6/2024 (Khamis)
JKPR BIL.3/2024	12/9/2024 (Khamis)

\* tarikh mesyuarat adalah tertakluk kepada sebarang perubahan

2. Oleh yang demikian, sukacita sekiranya pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil perhatian terhadap perkara berikut:

a. Tatacara Pelupusan Rekod

- Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu mengemukakan permohonan pelupusan rekod ke Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar melalui Borang Permohonan Pelupusan ke Jabatan Pendaftar (rujuk Sistem Pengurusan Dokumen: UKM-SPKPPP-PP01-GP05-L04);
- Semua permohonan yang telah lengkap akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelupusan Rekod bagi tujuan perakuan dan seterusnya ke Arkib Negara Malaysia (ANM) bagi tujuan kelulusan;



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

- iii. Permohonan lengkap adalah tertakluk kepada pengisian borang dan tempoh masa yang ditetapkan oleh Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am / Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan; dan
- iv. PTj boleh melaksanakan proses pemusnahan sebaik sahaja mendapat kelulusan daripada pihak ANM yang akan dimaklumkan oleh Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar.

**b. Pelupusan Fail Peribadi Kedua di PTj**

- i. Fail peribadi kedua yang wujud di PTj hendaklah diserahkan bersama surat iringan kepada PTj baharu bagi staf yang terlibat dengan penempatan semula/pertukaran PTj; dan
- ii. Fail peribadi kedua bagi staf yang telah bersara/berhenti/tamat kontrak hendaklah diserahkan bersama surat iringan kepada Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar bagi tujuan semakan sebelum dilupuskan.

3. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua staf di bawah seliaan masing-masing. Sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Encik Muhammad Amirul Abdul Razak, Penolong Pendaftar, Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar melalui talian 03-8921 5121/4447 atau melalui e-mel: unitrekod@ukm.edu.my.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*

Yang benar,



**DATO' DR. SYED KAMARUDIN BIN HJ. SADAKKUTHULLA**  
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan, Industri & Masyarakat)
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

**PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)